

## **PATRIOTISME PERIBADI DALAM NOVEL-NOVEL PILIHAN**

### **PATRIOTISM PERSONAL IN SELECTION NOVELS**

**Maizatul Akma Aziz**  
**Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi**  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia

**Email:** nrafidah@upm.edu.my

#### **Abstrak**

Perkataan patriotisme berasal daripada dua suku kata bahasa Yunani iaitu Pater bererti *father* dan patris yang membawa erti *land*. Gabungan kedua-dua suku kata ini membawa maksud the love of a fatherland dalam bahasa Inggeris (Maurizio Viroli 1997: 2). Oleh itu, patriotisme bermaksud perasaan cinta rakyat yang mendalam terhadap tanah air tempat tumpah darah. Hal ini memberi pengertian yang sangat jelas bahawa patriotisme adalah perasaan yang tertanam dalam diri manusia untuk mencintai tanah air tempat manusia bertapak dan meneruskan kegiatan kehidupan. Penelitian kajian ini berfokus kepada konsep patriotisme yang terdapat dalam novel *Formula Termodinamik* karya Obasiah Haji Usman, *Destinasi Impian* karya Mohd Ismail Sarbini dan *Pelari Muda* karya Ghazali Ngah Azia. Novel ini sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan kanak-kanak peringkat akhir dan awal remaja. Latar masyarakat dalam novel ini mewakili era kini. Objektif kajian adalah untuk menganalisis konsep patriotisme peribadi. Pengkaji menggunakan kaedah analisis teks. Dapatan kajian memperlihatkan patriotisme peribadi penting ditanam ke dalam jiwa generasi kini dan akan datang bagi mewujudkan sesebuah negara yang harmoni. Semangat patriotisme sangat penting dalam pengisian agenda kemerdekaan dan mempertahankan kedaulatan tanah air.

**Kata Kunci:** Novel, Kanak-Kanak, Remaja, Patriotisme Peribadi

### **Abstract**

The word patriotism is derived from two Greek syllables, 'Pater' meaning father and 'patris' meaning land. The combination of these two syllables gives the meaning of the love of a fatherland in English (Maurizio Viroli 1997: 2). Patriotism, therefore, implies a deep sense of people's love for their country. This gives us a very clear sense that patriotism is a feeling that is embedded in human beings to love the homeland where humans are rooted and to carry on with life's activities. This research focuses on the concepts of patriotism found in Obasiah Haji Usman *Formula Termodinamik* novel, *Destinasi Impian* by Mohd Ismail Sarbini and *Pelari Muda* by Ghazali Ngah Azia. This novel is best used as a late childhood and early childhood reading material. The society's backdrop in this novel represents the present age. The objective of the study was to analyze the concept of personal patriotism. The researcher uses the text analysis method. The findings show that personal patriotism is important in the minds of present and future generations to create a harmonious nation. The spirit of patriotism is very important in shaping the agenda of independence and for maintaining the sovereignty of the homeland.

**Kata Kunci:** Novel, Kanak-Kanak, Remaja, Patriotisme Peribadi

## 1.0 Pengenalan

Masyarakat atau kelompok manusia secara mudah dapat dikategorikan kepada tiga golongan iaitu kanak-kanak, remaja dan dewasa. Mengikut Dasar Kanak-kanak Negara (2010) kanak-kanak merupakan sebahagian daripada masyarakat yang amat penting, yang menjadi aset negara dan penyambung nadi pembangunan negara pada masa hadapan. Kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak, 2001. Kanak-kanak merupakan aset negara terpenting kerana mereka ini yang akan meneruskan segala pembangunan dan rancangan yang telah diatur oleh kerajaan. Karya sastera dikatakan boleh membangun pemikiran dan keinsanan seseorang individu. Sekiranya jiwa dan pemikiran rakyatnya berjaya dibangunkan dengan baik maka sesebuah negara itu akan melahirkan modal insan yang bertanggungjawab dan berkeperibadian mulia pada masa akan datang. Menurut Shahnnon Ahmad (1991) membaca karya sastera boleh membangun diri insan, sama ada jiwa dan pemikirannya. Oleh itu, kehadiran sastera untuk kanak-kanak dan remaja sangat penting dalam proses pembangunan manusia.

Menurut Misran Rokimin (2006) sastera kanak-kanak adalah sebagai agen pembangunan yang menjurus kepada pembangunan diri seseorang manusia itu, sama ada dari segi emosi, pemikiran atau keahsaannya. Menurut beliau lagi, ketiga-tiga aspek ini akan terus berkembang, yakni semakin banyak karya sastera yang dibacanya, semakin bertambah perkembangan berlaku dalam diri kanak-kanak itu berlaku. Sastera awal kanak-kanak merupakan salah satu elemen yang dikenal pasti berupaya melengkapkan perkembangan seseorang kanak-kanak. Sastera awal kanak-kanak ialah sastera kanak-kanak yang dihasilkan dalam bentuk buku yang

boleh dibaca oleh kanak-kanak dan mampu menimbulkan rasa seronok kepada mereka. Menerusi sastera, kanak-kanak mampu memberikan keseronokan, dapat merangsang imaginasi, dapat membantu mengenal dan memahami diri sendiri, dapat memahami bahasa secara semula jadi, dapat membantu mendapatkan maklumat dan dapat memupuk nilai-nilai murni kepada individu kanak-kanak. Bagi mencapai tahap tertinggi nilai sastera dan estetika karya, penghasilan sastera awal kanak-kanak ini dilakukan dalam bentuk tulisan dan ilustrasi.

Kelompok remaja pula merupakan golongan terpenting dalam sesebuah komuniti atau negara. Menurut Faridah Taib dan Nuraidah Ali (1995), kelompok remaja yang akan meneruskan kesinambungan agenda pembangunan negara dengan mengambil alih kepemimpinan masa akan datang dan menjadi tenaga penggerak dalam pelbagai aktiviti seiring dengan arus pembangunan negara. Remaja juga adalah komponen pelapis dalam sesebuah negara dan menjadi penjana pemantapan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial yang mengisi ruang kehidupan masyarakat. Kehadiran remaja akan mewarnai dan menguasai suasana dalam sesuatu perkara atau peristiwa termasuk dunia sastera yang semakin pesat berkembang. Hal ini kerana remaja mempunyai sifat ingin tahu yang cukup tinggi, pemikiran yang begitu kritikal dan keinginan ingin mencuba sesuatu yang baharu begitu menyerlah. Kelompok ini yang akan meminati dan menikmati hasil karya sastera remaja (Jumali Selamat, 2012). Menurut Othman Puteh (1988), sastera remaja merupakan bahan bacaan sastera kreatif yang tercetus daripada pengamatan, pengalaman dan kreativiti pengarang yang relevan dengan pertumbuhan dan perkembangan psikologi remaja yang berusia sekitar 12 hingga 20 tahun. Segala gambaran yang terungkap dalam sastera remaja mempunyai hubung kait dengan

realiti masyarakat Melayu yang masih kuat berpegang kepada kepercayaan beragama seperti memberi pengajaran, nasihat, teladan, teguran, pandangan atau sebarang bentuk pendidikan yang boleh dijadikan pegangan dalam menjalani kehidupan (Jumali Selamat, 2012).

Apabila menoleh kembali kepada nostalgia yang membentuk jati diri warganya pada hari ini adalah rentetan daripada peristiwa yang berlaku pada suatu ketika dahulu. Pengarang kreatif pada zaman duhulu menyemarakkan semangat nasionalisme dan patriotisme melalui karya mereka. Karya patriotisme merupakan karya yang memuatkan ideologi dan pemikiran bagi membangkitkan kesedaran ke arah mewujudkan autonomi, kebebasan atau kemerdekaan sehingga karya itu berperanan sebagai karya perjuangan. Karya sastera perjuangan digunakan untuk merungkaikan wacana metanaratif penjajah dengan menonjolkan tema pengasingan, peminggiran, ketidaksamaan dan diskriminasi anak watan di tangan pihak penjajah. Golongan sasterawan muncul sebagai pejuang penting sebelum Perang Dunia Kedua dan menjelang kemerdekaan dengan meletakkan nasionalisme dan patriotisme sebagai agenda utama ketika berkarya. Mereka sedar *survival* dan ketuanan bangsa perlu diperjuangkan, dan salah satu alat berkesan ialah karya sastera. Maka, disuntiklah semangat nasionalisme dan patriotisme melalui karya. (Jeniri Amir, 2005)

Karya sastera yang mengangkat tema patriotisme diharapkan dapat melembutkan jiwa manusia kerana sama ada disedari atau tidak, segala unsur positif ke arah pembentukan sebuah bangsa yang berdaulat memang sedia terkandung dalam bahan-bahan sastera. Sejarah telah membuktikan bagaimana berpengaruhnya sastera dalam mendaulatkan sesebuah negara untuk keluar daripada belenggu penjajahan. Novel-novel seperti *Anak Mat Lela Gila* (1941) dan

*Putera Gunung Tahan* (1938) karya Pak Sako misalnya, dengan berani mengungkapkan tema nasionalisme. Api semangat ditiupkan melalui hasil-hasil karya sastera secara halus. Oleh sebab itu, adalah wajar setelah merdeka, sumbangan besar tersebut tidak harus dilupakan begitu sahaja. Hal ini kerana dalam mengejar kemajuan dan pembangunan material, aspek pembangunan rohani dan emosi bangsa harus terus disuburkan pada peringkat akar umbi. Salah satu bidang yang dapat menyuburkan semangat patriotisme ini dalam kalangan kanak-kanak dan remaja adalah menerusi sistem pendidikan.

Sistem pendidikan merupakan wadah utama membentuk identiti anak bangsa dan menjadi alat terpenting untuk menjayakan pembangunan negara, di samping berfungsi sebagai wahana yang kukuh untuk mencapai perpaduan serta kesejahteraan bangsa dan negara. Wajah manusia yang ingin dilahirkan sudah tentu merupakan wajah manusia yang indah dan unggul. Manusia ini sudah tentu merupakan insan yang baik dan mulia, rakyat yang amanah dan bertanggungjawab, dan warganegara yang setia serta bersemangat tinggi. Insan yang baik akan membentuk keluarga yang baik dan seterusnya masyarakat serta bangsa yang baik (Rohizani Yaakub, 2001). Selain itu, karya sastera dikatakan boleh membangun pemikiran dan keinsanan seseorang individu. Sekiranya jiwa dan pemikiran rakyatnya berjaya dibangunkan dengan baik maka negara itu akan dihuni oleh warganegara yang bertanggungjawab (Misran Rokimin 2008). Oleh itu, menerusi bidang pendidikan terutamanya melalui hasil karya kesusasteraan nilai patriotisme ini dapat disemai kepada generasi muda khususnya kepada golongan kanak-kanak dan remaja dalam melahirkan insan yang berbudi pekerti mulia serta sayangkan negara.

Pengkajian terhadap genre novel memang tidak asing lagi dalam kalangan sarjana Barat dan tempatan. Genre novel ini mendapat perhatian yang ramai kerana terdapat pelbagai skop yang menarik boleh dikaji. Sifat karya sastera yang subjektif dan terbuka kepada pelbagai terjemahan menyebabkan banyak sekali pertikaian yang mungkin wujud apabila sesuatu karya itu diangkat tidak kira sama ada dalam pertandingan mahupun sebagai teks kajian. Oleh itu, pemilihan bahan bacaan sastera sebagai medium penyuburan semangat patriotisme kepada golongan kanak-kanak dan remaja amat penting dalam merealisasikan hasrat negara dalam melahirkan wargtanegara yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi serta cintakan negara.

## **2.0 Kajian lepas tentang patriotisme**

Berdasarkan pengamatan pengkaji terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan tentang patriotisme. Contohnya kajian yang meneliti elemen nasionalisme dan patriotisme pada peringkat doktor falsafah iaitu *Novel sejarah Harun Aminurashid dan Walter Scott: Persepsi tentang Nasionalisme* oleh Elfiondri pada tahun 2005. Kajian ini menganalisis persepsi nasionalisme yang tercermin dalam teks novel sejarah yang ditulis oleh Harun Aminurrashid dan Walter Scott. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan persepsi nasionalisme pengarang tentang tindakan yang sepatutnya dilakukan dalam menghadapi budaya kolonialisme dan menggunakan pendekatan sastera historisisme baru dan kesusasteraan bandingan bagi tujuan penganalisan. Kajian novel sejarah ini lebih berfokus kepada unsur-unsur sejarah, nasionalisme dan patriotisme yang terdapat dalam novel-novel yang dihasilkan oleh Harun Aminurrashid dan Walter Scott. Penemuan kajian beliau mendapati bahawa kedua-dua orang pengarang mengangkat unsur nasionalisme dan

patriotisme menerusi novel-novel mereka. Unsur yang diterapkan melalui watak-watak utama mempunyai persamaan perjuangan antara mereka kerana kedua-dua buah negara iaitu Harun Aminurrashid dari Tanah Melayu dan Walter Scott dari Scotland yang pada suatu waktu pernah berada di bawah penjajahan British.

Begitu juga dengan kajian peringkat sarjana *Sastera Membina Bangsa: satu analisis persepsi pelajar terhadap teks drama dalam Pendidikan* oleh Rohizani Yaakub, 2001. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai sumbangan genre drama dalam pembinaan bangsa Malaysia manakala objektif kajian pula adalah untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap elemen-elemen pembina bangsa melalui teks drama dalam pendidikan. Kajian tinjauan melalui soal selidik dibina berdasarkan 24 buah teks drama dalam tiga buah antologi yang pernah dan sedang digunakan sebagai teks wajib dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sekolah menengah (1984 – 2000). Kajian ini lebih menekankan penerimaan pelajar terhadap teks drama dalam membina bangsa dan tidak menyentuh secara khusus tentang unsur patriotisme dalam novel sejarah.

Kajian tentang novel-novel sejarah dan patriotisme juga dapat dikesan dalam beberapa buah jurnal ditulis oleh beberapa orang pengkaji dan pengkritik. Antaranya ialah Mana Sikana dan Misran Rokimin. Mana Sikana (1995) menulis artikel yang bertajuk "Teori New Historicism: Mengkaji Patriotisme dalam Drama Melayu Moden". Dalam artikel ini beliau menggunakan teori sejarah baru dalam membicarakan aspek patriotisme dalam drama Melayu Moden. Beliau ingin memperlihatkan corak dan kepelbagaian konsep patriotisme dalam kalangan dramatis sambil mengemukakan kaedah penulisan teks-teks kreatif sejarah baru dalam usaha untuk memberi panduan kepada para penulis untuk menghasilkan karya-karya sastera yang bermutu. Antara



drama yang dikaji ialah Srikandi Tun Intan karya Jaafar Husny, Hang Tuah Pahlawan Melayu karya syed Alwi al-Hadi, Hang Jebat Menderhaka karya Ali Aziz, dan Keris Laksamana Bentan karya Shaharom Husain.

Mohamad Noor Mohamad Taib (2006), telah melakukan penelitian terhadap *Kesan Pengajaran Terus Nilai dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah bagi Penerapan Patriotisme*. Kajian ini bertujuan menentukan kesan pengajaran terus nilai patriotisme dalam P&P sejarah bagi tujuan penerapan patriotisme dengan menggunakan sumber pengajaran sejarah pelbagai perspektif (selain buku teks) dan sumber pengajaran sejarah berasaskan buku teks. Seramai 355 orang pelajar dari tiga buah sekolah menengah dalam satu daerah di Johor telah dipilih sebagai sampel kajian. Dalam kajian ini, pengkaji mengukur tiga aspek patriotisme iaitu bangga negara, setia negara, dan hormat simbol negara. Berdasarkan kajian pengkaji melalui pengajaran sejarah di sekolah, pencapaian para pelajar dalam aspek hormat simbol negara adalah rendah. Kajian ini hanya memfokus kepada aspek pencapaian pelajar terhadap unsur nilai patriotisme hasil daripada P&P sejarah sahaja.

Kesimpulannya, kajian terhadap elemen patriotisme dalam novel belum meluas dan menyeluruh setakat ini. Aspek patriotisme seperti yang dihasrat sebagai salah satu elemen dalam pengisian kurikulum di samping penerapan nilai murni perlu diberi penekanan khasnya dalam jiwa generasi muda yang masih di bangku sekolah agar mereka mampu menjadi pewaris yang bertanggungjawab terhadap tanah air. Ku Hasnita & Mohd Haizam (2011) berpendapat bahawa pendidikan patriotisme amat penting jika hendak melihat wajah negara yang berdaulat dan utuh pada masa depan kerana pendidikan merupakan mekanisme yang ampuh dalam usaha menyemai semangat ini dalam kalangan generasi muda. Pandangan ini memberi pencerahan

bahawa proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah perlu memberi penekanan terhadap elemen ini. Impaknya, penyuburan semangat patriotik amat penting bagi meneruskan kelangsungan negara pada masa depan agar kemerdekaan yang dikecapi lebih bermakna. Lantaran itu, kajian yang meluas dan terperinci terhadap elemen patriotisme dalam bahan Komsas perlu dititikberatkan.

Kajian ini akan meneliti konsep patriotisme keperibadian dalam novel novel *Formula Termodinamik* hasil karya Obasiah Haji Usman, *Pelari Muda* karya Ghazali Ngah Azia dan *Destinasi Impian* oleh Mohd Ismail Sarbini.

### **3.0 Konsep Patriotisme**

Menurut International Encyclopedia of the Social Sciences (2008) :

“ The word patriotism derives from the Latin patria, meaning “country.” Patriots are citizens joined by a love of country and a readiness to sacrifice, perhaps even die, for their country. Such patriotism was emphatically characteristic of the Spartans of classical antiquity. They were citizens in the strict sense of the term: They shared an identity with others to whom they were related by nationality, as well as by blood, and a sense of belonging to a community for which they bore responsibility. In a word, they were public-spirited.”

Menurut petikan di atas, perkataan patriotisme berasal dari Latin patria yang membawa maksud negara. Pahlawan-pahlawan adalah rakyat yang bersatu kerana cintakan negara dan kesediaan untuk berkorban, atau mungkin mati demi negaranya sendiri. Patriotisme tegasnya adalah memang sifat atau ciri yang ada pada pahlawan-pahlawan Spartan zaman klasik lama. Mereka adalah rakyat yang

mempunyai erti ketegasanan dalam tempoh tersebut: Mereka berkongsi satu identiti antara satu sama lain yang mempunyai kaitan dari segi kerakyatan, darah keturunan dan perasaan kekitaan dalam sesuatu komuniti yang menjadi tanggungjawab mereka bersama. Dalam perkataan lain, mereka mempunyai semangat kemasyarakatan.

Perkataan patriotisme berasal daripada dua suku kata bahasa Yunani iaitu Pater bererti father dan patris yang membawa erti land. Gabungan kedua-dua suku kata ini membawa maksud the love of a fatherland dalam bahasa Inggeris (Maurizio Viroli 1997: 2). Oleh itu, patriotisme bermaksud perasaan cinta rakyat yang mendalam terhadap tanah air tempat tumpah darah. Hal ini memberi pengertian yang sangat jelas bahawa patriotisme adalah perasaan yang tertanam dalam diri manusia untuk mencintai tanah air tempat manusia bertapak dan meneruskan kegiatan kehidupan. Sebagaimana yang dihuraikan dalam ensiklopedia, perkataan patriotisme telah bertapak dalam kehidupan manusia namun dianggarkan bahawa sentimen ini telah ada dalam jiwa manusia sejak awal lagi. Hal ini dapat dilihat pada ahli falsafah zaman Yunani iaitu Socrates yang memandang negaranya sebagai suatu yang unggul yang mesti dihormati, ditaati, dipelihara, diperbaiki dan dimakmurkan. Begitu juga dengan muridnya Plato yang melahirkan sentimen cintakan negara dengan mengatakan bahawa “there can be no affinity nearer than our country” (Muhamad Ali Embi 2009: 5).

Patriotisme juga didefinisikan sebagai sikap-sikap positif dan menolong terhadap 'tanah air' oleh individu-individu dan kumpulan-kumpulan. 'Tanah air' (ibu pertiwi) itu mungkin suatu bandar atau rantau, namun patriotisme ini membawa maksud bangsa atau negara. Patriotisme meliputi sikap seperti bangga akan

pencapaian budaya bangsa, serta memelihara ciri-ciri bangsa dan dasar budayanya, serta identifikasi diri dengan ahli-ahli lain dalam bangsanya sendiri. Patriotisme juga berkait rapat dengan nasionalisme, dan istilah-istilah ini digunakan seolah-olah bersinonim antara satu sama lain.

Sehubungan dengan ini terdapat pelbagai pandangan daripada beberapa orang tokoh barat dan tempatan berkaitan dengan konsep patriotisme ini. Menurut Reykowski (1997: 108) patriotisme digambarkan sebagai satu pembawaan psikologi di bawah satu perasaan yang khusus, sikap dan pelbagai bentuk perlakuan yang berfokuskan kepada sesebuah negara iaitu satu konsep yang merujuk kepada sesetengah fenomena psikologi yang konkrit seperti pelekatan sekumpulan manusia dalam sesebuah negara yang mereka diami serta tercermin dalam kepercayaan dan emosi. Bagi Michael Hand and Joanne Pearce (2008: 1) pula menjelaskan:

Patriotism is love of one's country, and is thus a species of emotion or sentiment. It does not entail (though it may be contingently associated with) any normative beliefs about how one's country should be governed or what duties one might have to it.

Petikan di atas menjelaskan bahawa patriotisme ialah sayang akan sesebuah negara, dan oleh yang demikian ia adalah satu jenis perasaan ataupun sentimen. Ia tidak melibatkan (walaupun mungkin sedikit sebanyak berkaitan) sebarang kepercayaan normatif tentang bagaimana sesebuah negara sepatutnya diperintah atau apakah tugas seseorang terhadap negara tersebut. Seorang lagi tokoh Barat iaitu Stephen Nathanson (1993: 34–35) berpendapat bahawa, patriotisme melibatkan special affection for one's own country, a sense of personal identification with the country, special concern for the well-being of the country and willingness to

sacrifice to promote the country's good iaitu, patriotisme melibatkan perasaan kasih sayang yang istimewa terhadap negaranya sendiri, pengenalan diri seseorang dengan negaranya, mengambil berat terhadap kesejahteraan negaranya serta kesanggupan untuk berkorban dalam menaikkan nama baik negaranya sendiri. Oleh itu, patriotisme melibatkan satu perasaan sayang yang mendalam akan negaranya sendiri dan sanggup berkorban demi nama baik negaranya.

Sementara itu, Jacob G. Hornberger (2001: 1) pula berpendapat bahawa patriotism involves the loyalty that a person has toward his country iaitu patriotisme melibatkan kesetiaan seseorang terhadap negaranya. Doris Kearns Goodwin (1998) menyatakan bahawa, there's two parts to patriotism. One is fidelity to the land and the people, which is a warm feeling towards your country. Pada beliau, dua bahagian atau perkara dalam patriotisme ialah kesetiaan kepada tanah air dan orang-orangnya, iaitu satu perasaan mesra terhadap negaranya sendiri. Seterusnya, Mummendey, Klink dan Brown (2001) menyatakan bahawa patriotisme sebagai aspek yang bernilai dan perlu, sebab ia mewakili atau menggambarkan feeling of attachment to one's country, yang membawa maksud perasaan cinta yang mendalam terhadap sesebuah negara. Adorno, Brunswich, Levinson, dan Sanford (1950, dlm Druckman, 1994) menyatakan patriotisme sebagai sesuatu yang sihat tentang cinta seseorang terhadap negaranya sendiri manakala Eaton (2002) menyatakan patriotisme sebagai cinta seseorang kepada negaranya.

Menurut Robertson(1993) pula, patriotisme menerangkan sentimen kecintaan terhadap negara, bangsa, budaya dan politik secara praktikal menebal dengan unsur-unsur etnosentrik. Baginya patriotisme adalah sentimen nasionalis yang dizahirkan secara realiti melalui tingkahlaku. Kesetiaan kepada jati diri ini amat

berkait rapat dengan soal kasih sayang, kesetiaan, kebanggaan, semangat perjuangan dan keinsafan yang terpupuk dalam sanubari seseorang yang menganggap diri mereka sebagai pejuang nasionalis. Oleh yang demikian, patriotisme adalah lanjutan daripada perasaan cintakan tanah air iaitu nasionalis (Rosiah Salim 2006: 6). Melalui semangat patriotisme yang menebal yang terpupuk dalam sanubari seseorang terhadap negaranya, maka akan lahir perasaan sayang, cinta, kasih, taat dan keinginan yang kuat dan ikhlas untuk berbakti kepada negaranya tanpa bersikap prejudis terhadap mana-mana kaum, agama malahan ideologi parti yang berbeza. Dalam erti kata yang lain tidak memikirkan kepentingan sendiri melainkan semata-mata untuk melihat negaranya berjaya.

Menurut Nelley Jue Phillip (2006), patriotisme boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu patriotisme peribadi dan patriotisme rasmi. Patriotisme peribadi adalah patriotisme yang berperasaan dan secara sukarela. Sebagai contohnya, seseorang patriot perlu mematuhi nilai-nilai patriotik tertentu, seperti menghormati bendera manakala patriotisme rasmi dipupuk oleh pihak kerajaan yang penuh isi simbolik dan istiadatnya. Patriotisme jenis ini adalah mengikut kepentingan logik negara itu sendiri, yang memperoleh kesahan dari menjadi pernyataan kebaikan bersama komuniti politik. 'Tugu Negara' dan 'Hari Bekas Perajurit' dan upacara peringatan merupakan contoh-contoh tipikal bagi jenis patriotisme ini.

Kebiasaannya, patriotisme rasmi diatur oleh protokol, dengan kaedah-kaedah tertentu untuk mengendali bendera, atau jaminan atau penunjukan kesetiaan tertentu. Patriotisme banyak bergantung kepada tindakan simbolik, seperti mempamerkan bendera, menyanyi lagu kebangsaan, menyertai perhimpunan beramai-ramai, meletakkan pelekat patriotik pada kenderaan, atau apa-apa cara

sekalipun untuk menyatakan kesetiaan kepada negara di peringkat umum. Patriotisme simbolik ketika perang dijangka dapat menaikkan semangat yang menyumbang kepada usaha perang. Patriotisme masa aman pula tidak boleh dikaitkan dengan begitu mudah kepada faedah yang boleh diukur untuk negeri, namun seseorang patriot itu tidak boleh merendah-rendahkannya. Menurut Kellas (1991), patriotisme juga sering dilihat sebagai 'nasionalisme rasmi' atau official nationalism bagi sesebuah negara. Sementara, Hurwitz dan Peffley (1999, dlm Muhamad Ali Embi 2009) membahagikan patriotisme kepada lima aspek iaitu Patriotisme Ikon, Patriotisme Kapital, Patriotisme Alam Sekitar, dan Patriotisme Simbolik Nasionalis.

Berdasarkan penjelasan konsep patriotisme di atas, dapat disimpulkan bahawa patriotisme ialah perasaan cinta dan sayangkan negara, bangsa dan agama tanpa perasaan prejudis terhadap mana-mana kaum, agama mahu pun ideologi yang berbeza serta perasaan tidak berbelah bahagi bagi setiap warganegara yang mendiami sesebuah negara itu. Perasaan cinta dan sayangkan negara ini meliputi pelbagai aspek dari segi agama, politik, ekonomi, sukan, warisan budaya, ideologi, kaum, bangsa, rohani dan jasmani serta apa-apa sahaja yang berkaitan dengan negaranya. Kesanggupan dan kesediaan seseorang untuk berkorban terhadap negaranya merupakan kesetiaan yang teragung dan tertinggi bagi setiap individu yang sayang dan cintakan negaranya. Nilai-nilai patriotisme seperti berbangga sebagai rakyat Malaysia, semangat setia negara, semangat kekitaan, disiplin serta usaha berterusan untuk mencipta kemakmuran negara perlu ditanam dalam jiwa generasi muda kerana mereka merupakan pewaris bangsa untuk memacu negara Malaysia ke arah kejayaan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Oleh itu, dalam menempuh era yang begitu mencabar serta ledakan globalisasi, elemen patriotisme wajar disemai dan diterapkan ke dalam minda serta jiwa generasi muda. Semangat patriotisme akan terus dapat dipertingkatkan jika rakyat menghayati sepenuhnya konsep patriotik itu sendiri. Patriotisme adalah pengorbanan individu terhadap negara. Walaupun sesebuah negara itu sudah lama mencapai kemerdekaan, jika semangat patriotisme ini semakin pupus dan tidak dihayati sepenuhnya oleh rakyat, maka tidak mustahil sesebuah negara itu akan kembali runtuh dan dijajah semula. Namun, dalam kertas kerja ini pengkaji hanya akan meneliti konsep patriotisme keperibadian sahaja.

#### 4.0 Hasil Dapatan dan Perbincangan

Hasil analisis terhadap ketiga-tigabuah novel yang menjadi data kajian menunjukkan terdapat unsur patriotisme peribadi sebagaimana dalam Jadual 1 berikut:

<b>Novel</b> <b>Konsep</b> <b>Patriotisme</b>	<b>Patriotisme Peribadi</b>
<i>Formula Termodinamik</i>	✓
<i>Destinasi Impian</i>	✓
<i>Pelari Muda</i>	✓

Jadual 1 : Jenis Patriotisme



Berdasarkan Jadual 1, didapati bahawa patriotisme peribadi dapat dikesan dalam ketiga-tiga buah novel kajian. Penerapan unsur patriotisme peribadi ini terserlah melalui watak dan perwatakan serta perjalanan cerita yang diketengahkan oleh pengarang novel-novel tersebut. Perbincangan analisis dalam makalah ini akan memperlihatkan kehadiran unsur patriotisme peribadi yang wujud dalam tiga daripada empat buah novel yang dikaji. Hal ini penting bagi menggambarkan bahawa elemen patriotisme ini terserap di dalam novel-novel tersebut.

#### **4.1 Patriotisme Peribadi dalam Novel *Formula Termodinamik* karya Obasiah Haji Usman.**

Patriotisme peribadi menggambarkan individu itu berperasaan dan secara sukarela menghormati nilai patriotik tertentu (Nelly Jue Phillip, 2006). Patriotisme peribadi lahir daripada perasaan yang ikhlas dari sanubari seseorang dalam menterjemahkan rasa cinta dan sayang terhadap negara sendiri. Secara umumnya kelompok remaja merupakan golongan terpenting dalam sesebuah komuniti atau negara. Menurut Faridah Taib dan Nuraidah Ali (1995), (dalam Jumali Selamat 2012: 1), kelompok ini akan meneruskan kesinambungan agenda pembangunan negara dengan mengambil alih kepemimpinan masa akan datang dan menjadi tenaga penggerak dalam pelbagai aktiviti seiring dengan arus pembangunan perdana. Oleh sebab itu, patriotisme peribadi sangat penting ditanamkan dalam jiwa remaja. Remaja yang lahir pada zaman globalisasi perlu mempunyai jati diri yang kuat dalam mempertahankan negara dan membangunkan negara selaras dengan perkembangan dunia tanpa memperjudikan kedaulatan negara. Menerusi novel *Formula Termodinamik* hasil karya Obasiah Haji Usman patriotisme peribadi dapat diterjemahkan. Hal ini dapat

dilihat menerusi sikap anak-anak muda kampung yang berusaha untuk menaikkan ekonomi penduduk kampung dengan mencipta formula terbaharu bagi mesin rumput berdasarkan formula termodinamik dan menamakan mesin tersebut sebagai SAMA iaitu singkatan daripada Sabah Malaysia walaupun mesin tersebut berasal dari negeri China namun telah diubah suai. Gambaran ini dapat dilihat menerusi watak Amir dan Usamah yang bangga dengan ciptaan mesin tersebut hasil ciptaan orang Malaysia.

“Berapakah kuasa mesin ini dan apakah nama modelnya? Tanya Majibon. Dia menunjukkan minat.

“Mesin ini kami namakan 2 dalam 1, dengan kuasa 6 kw, kincir angin model SAMA, iaitu singkatan Sabah, Malaysia, “jelas Amir.

“Model SAMA digunakan kerana mesin ini ciptaan orang Malaysia, walaupun mesin ini asalnya dari negara China.”  
sampuk Usamah membantu Amir.

(*Formula Termodinamik* 2014: 18)

Berdasarkan petikan tersebut, ciri-ciri patriotisme peribadi jelas hadir menerusi watak Usamah yang memberi penekanan terhadap mesin ciptaan mereka yang diberi nama SAMA iaitu gabungan perkataan negeri Sabah dan Malaysia. Rasa bangganya terhadap mesin ciptaan anak tempatan tergambar walaupun asalnya mesin tersebut dari negara China namun telah diubah suai penggunaannya menggunakan teknologi terkini iaitu formula termodinamik. Sebagai warganegara yang cintakan tanah airnya kita seharusnya mempunyai sikap untuk menyayangi negara tempat kita dilahirkan dan dibesarkan. Remaja ialah komponen pelapis dalam sesebuah negara dan menjadi penjana pemantapan dalam bidang yang mengisi

ruang pembangunan sesebuah negara terutamanya dalam bidang politik, ekonomi dan sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Sebagai aset terpenting sesebuah negara maka golongan remaja ialah regu yang bakal menjadi kumpulan intelektual, profesional, pemyambung generasi dan meneruskan agenda pembangunan serta mencorakkan kepimpinan negara pada masa akan datang (Jumali Selamat 2012:1). Pengarang memperlihatkan watak Usamah sebagai seorang remaja berjiwa patriotik yang sangat sayang akan negaranya tanpa berbelah bahagi. Sikap beginilah yang perlu ada dalam diri remaja. Remaja yang tidak mengagung-agungkan negara luar berbanding negaranya sendiri. Remaja yang tinggi nilai patriotismenya. Nilai patriotisme yang menjadi sebahagian daripada nilai murni, sekiranya dapat dijiwai dan diamalkan sebaik mungkin, akan dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia. Oleh itu, adalah sangat wajar bagi generasi muda khususnya menjadikan nilai patriotisme sebagai amalan atau pegangan serta disemai dalam jiwa segenap lapisan masyarakat Malaysia demi kelangsungan negara dalam menghadapi era pasca modenisme dan dikenali sebagai masyarakat majmuk (*Berita Harian*, 18 September 2014). Watak Usamah mampu mendidik remaja agar mencintai negaranya sendiri. Hal ini kerana semangat patriotisme dan cintakan negara bukanlah perkara yang mampu timbul sendiri dalam diri setiap individu, tetapi ia perlu dipupuk dan disemat dalam diri seseorang sejak kecil lagi, agar jiwa mereka sehati dengan perasaan itu.

Sesebuah karya sastera merupakan sebuah hasil seni yang menggunakan bahasa sebagai medium penyampaiannya. Sesebuah karya tidak terhasil dengan kekosongan (Shafie Abu Bakar, 2013:261). Peranan sastera dalam pembinaan sahsiah manusia sangat penting. Sastera bukanlah khayalan kosong namun

berfungsi untuk merakamkan pemikiran dan hati nurani sesuatu bangsa sebagai asas kepada pembinaan tamadun bangsa. Sastera ialah cermin kehidupan manusia Hasil sastera mampu mendidik manusia untuk membina peribadi manusia yang berkualiti. Kecenderungan pengarang melahirkan rasa cintanya terhadap negara adalah menerusi watak-watak serta jalan cerita novel yang dihasilkan.

#### **4.2 Patriotisme peribadi dalam novel *Destinasi Impian* karya Mohd Ismail Sarbini**

Patriotisme peribadi juga terserlah menerusi watak Aku dalam novel *Destinasi Impian* hasil karya Mohd Ismail Sarbini. Menerusi watak Aku, pengarang melahirkan rasa tidak puas hati terhadap nilai patriotisme yang ditonjolkan menerusi bahasa kebangsaan itu sendiri. Hal ini dapat dilihat menerusi papan tanda yang menggunakan bahasa kebangsaan tetapi salah penggunaan ayatnya.

Papan tanda pertama: AWAS! LUBANG ADA DEPAN!

Sementara papan tanda kedua: PELAN-PELAN JALAN  
DEPAN KERJA JALAN.

Aku mengeluh sesudah membaca kedua-dua papan Tanda itu. "Inilah Bahasa Malaysia yang dibanggakan sebagai bahasa kebangsaan. Memang banyak orang mengaku sebagai rakyat Malaysia, mencari rezeki di bumi Malaysia tetapi tidak tahu menguasai bahasa Malaysia dengan baik." fikirku. "Bahasa Melayu sudah Menjadi seperti air atau udara. Tercemar!" fikirku lagi.

(*Destinasi Impian* 2015: 6)

Menerusi petikan di atas, pengarang menggambarkan watak Aku begitu marah dengan papan tanda-papan tanda yang menggunakan bahasa kebangsaan yang salah. Secara tidak langsung watak aku yang dipaparkan oleh pengarang menggambarkan generasi muda yang berkeperibadian tinggi dan sayang akan bahasanya. Watak Aku mempamerkan semangat patriotisme yang tinggi dan mampu menjadi ikutan remaja jika dihayati sebaik mungkin oleh remaja yang membaca novel ini. Pembinaan negara bangsa amat penting bagi sebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Keupayaan membina negara bangsa bergantung pada perkongsian nilai serta semangat patriotisme (Rozita Che Rodi dan Hashim Musa, 2014: 258). Seseorang yang menamakan dirinya warga Malaysia mesti secara ikhlas dan jujur menyanjung tinggi penghormatan diri sebagai warga Malaysia kerana ini bumi dipijak; mesti fasih menguasai bahasa kerana bahasa kebangsaan membawa bersama sifat kepunyaan dalam diri setiap warga; dan memastikan Perlembagaan terpelihara keluhurannya kerana dokumen keramat ini turut memastikan maruah bahasa dipertahankan di bawah Perkara 152 yang menekankan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi yang turut menjamin penggunaan, pengajaran dan pembelajaran bahasa-bahasa lain (*Utusan Online*, 15 Oktober 2014).

Oleh itu, bahasa menunjukkan bangsa dan bahasa merupakan jiwa bangsa kerana fungsi bahasa itu bukan setakat menjadi alat komunikasi dan interaksi penuturnya. Bahasa juga mempunyai peranan yang besar dalam membentuk jati diri, semangat patriotisme, memupuk semangat kekitaan, integrasi dan maruah masyarakat penuturnya. Penggunaan bahasa yang salah dan tidak betul akan mencerminkan maruah bangsa yang tercemar. Salah satu medium untuk menyemai semangat patriotisme ialah melalui bahasa. Watak Aku digambarkan sebagai remaja

yang cinta akan negara serta bahasa yang menjadi penggerak nadi bangsa. Melalui watak aku, remaja akan terdidik untuk menghormati bahasa kebangsaan kita serta memartabatkannya setanding dengan bahasa di negara yang lain. Menghormati bahasa kebangsaan menjadi asas kepada kemajuan negara dan bangsa. Melaluinya, rakyat berkongsi identiti, lambang, kebudayaan, nilai dan semangat yang menjadi kekuatan dalam pembentukan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat ke arah pembangunan negara maju.

#### **4.3 Patriotisme peribadi dalam Novel *Pelari Muda* karya Ghazali Ngah Azia**

Keinginan untuk berbakti kepada negara juga tidak terhad dalam bidang ekonomi, politik, pendidikan mahupun kebudayaan. Dalam bidang sukan juga remaja boleh menyumbangkan semangat patriotisme menerusi pencapaian sesuatu atlet mewakili negara pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Patriotisme melalui sukan bermaksud perasaan cintakan negara melalui sukan. Atlet, pegawai dan organisasi merupakan duta negara semasa terlibat dalam mana-mana pertandingan peringkat antarabangsa. Hal ini dapat dilihat menerusi penghayatan slogan-slogan atau lagu-lagu yang boleh meningkatkan semangat cintakan negara oleh atlet, pegawai, dan juga penonton. Sebagai contohnya, menurut kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, semangat cintakan negara dan nilai patriotisme seluruh rakyat jelas dilihat sepanjang penganjuran Sukan SEA ke-29 oleh Malaysia. Timbalan Perdana Menteri itu juga berkata, semangat itu lebih terserlah apabila atlet-atlet negara mencatat kejayaan dan menyumbang pingat untuk Malaysia pada temasya dwitahunan itu (Berita Harian, 30 Ogos 2017). Usaha membentuk masa depan Malaysia menjelang 2050 menjadi negara teratas di dunia dalam ekonomi, pendidikan, politik, budaya, kesejahteraan rakyat dan inovasi mestilah berasaskan

kepada penyatuan dan perpaduan rakyat yang kukuh dan padu. Apabila transformasi ini berlaku, kemerdekaan akan terus didaulatkan. Semangat patriotik dapat disimpulkan sebagai roh atau kumpulan orang yang mempunyai pendapat yang sama dalam melindungi negara tercinta. Patriotisme juga membayangkan seseorang wajar mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan diri dan kelompoknya. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Sures dalam novel *Pelari Muda* hasil karya Ghazali Ngah Azia.

Sures tidak mahu memeningkan kepala dengan masalah Kamarul. Dia terus menyertai pelari-pelari yang lain.. Berada dalam kumpulan pelari yang sudah acap kali mencipta rekod dalam bidang sukan dan mengharumkan nama negara bukanlah sesuatu yang janggal dan rendah diri bagi Sures. Malah, dia berasa lebih bersemangat. Kadangkala pelari yang senior daripadanya itu sering memberikan galakan dan tunjuk ajar.

“Kaulah nanti yang akan menggantikan tempat kami setelah kami bersara nanti,” kata Suradi kepadanya.

(*Pelari Muda* 2014:11)

Dalam novel ini, watak dan perwatakan Sures digambarkan sebagai seorang remaja yang berjiwa patriotik. Dia ingin berjaya dalam arena sukan untuk mengharumkan nama negara. Sures berusaha bersungguh-sungguh untuk menempatkan dirinya dalam pasukan utama negara dalam sukan Southeast Asian Games (SEA) yang bakal menjelang. Semangat kesukanan yang tebal jelas hadir dalam dirinya mewakili sikap remaja yang sanggup berjuang untuk negara di medan

kesukanan pada masa kini. Remaja perlu mempunyai semangat kesukanan yang tinggi untuk mewakili negara di peringkat antarabangsa. Status sebagai atlet negara bukan merupakan cabaran yang mudah. Atlet bertanggungjawab menunjukkan prestasi sukan yang cemerlang dan menggalas harapan seluruh rakyat Malaysia bagi mengharumkan nama negara di persada dunia. Bagi menjadi seorang atlet yang cemerlang, atlet perlu mempunyai semangat jati diri, ketahanan mental dan fizikal, spiritual dan sahsiah yang tinggi. Hal ini penting bagi melahirkan generasi Malaysia yang kukuh, yang berjiwa besar dan mampu berperanan sebagai warganegara yang bertanggungjawab. Hal ini akan melahirkan generasi pewaris yang patriotik di mana kepentingan peribadi dan kepentingan kaum diseimbangkan dan diintegrasikan dengan semangat patriotisme negara (Hishamuddin Tun Hussein 2007). Oleh itu, semangat patriotisme bukanlah sesuatu yang sukar untuk direalisasikan namun semangat patriotisme dalam diri seseorang boleh hidup dan tumbuh jika disemai sebaik mungkin dalam kalangan remaja.

Penerapan semangat rasa cinta akan negara dilakukan adalah untuk membina negara bangsa. Memupuk semangat cintakan negara tidak seharusnya bergantung pada bahan sejarah dan kibaran jalur gemilang semata-mata. Hal ini boleh dilakukan melalui pelbagai cabang transformasi media (Shafezah Abdul Wahab, 2017). Menurut Ishak Saat (2009) pembinaan negara ditunjangi oleh warganegara Malaysia yang menepati ideologi negara dan bersikap patriotik. Pembinaan negara bangsa adalah agenda kerajaan bagi menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum. Hal ini turut disokong oleh Nordin Kardi (2009) yang menyatakan bahawa patriotisme adalah seruan yang abstrak yang dilaungkan oleh pemimpin negara, supaya setiap individu rakyat, menumpahkan taat setia kepada negara. Ketaatan pada negara



adalah pra-syarat bagi mencapai hasrat pembangunan, kemakmuran dan kesejahteraan hidup semua anggota masyarakat. Pada zaman era globalisasi ini, semangat patriotisme sentiasa dituntut bagi mempertahankan negara daripada diancam oleh musuh baik di dalam mahupun di luar negara. Patriotisme yang dijadikan cara hidup adalah lahir daripada didikan atau penyemaian semangat patriotik oleh institusi-institusi yang terlibat. Patriotisme sangat penting dalam kehidupan bernegara dan berbangsa. Patriotisme membekalkan kumpulan manusia dengan jati diri. Melalui jati diri yang terbentuk, manusia dapat berlindung di bawahnya.

## **5.0 Kesimpulan**

Penerapan unsur patriotisme peribadi dapat dikesan dalam ketiga-tiga buah novel yang dibincangkan iaitu novel *Formula Termodinamik* karya Obasiah Haji Usman, *Destinasi Impian* karya Mohd Ismail Sarbini dan *Pelari Muda* karya Ghazali Ngah Azia. Kekuatan unsur patriotisme peribadi dalam ketiga-tiga buah novel diperlihatkan menerusi perwatakan para watak dan peristiwa-peristiwa tertentu. Watak anak-anak muda yang mendahulukan kepentingan negara berbanding kepentingan sendiri dapat menjelaskan semangat patriotisme ini hadir dalam ketiga-tiga buah novel ini. Begitu juga perjuangan anak bangsa pada zaman sains dan teknologi ini mencipta pelbagai perkara baharu yang bermanfaat kepada bangsa perlu diperluas dan menjadi contoh tauladan kepada generasi muda. Kecemerlangan negara bergantung kepada generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa yang akan datang. Anak-anak muda merupakan tunjang kekuatan negara. Dalam bidang pendidikan semangat patriotisme ini perlu disemai, dibaja, dan disuburkan menjadi dahan yang kukuh untuk bernaung. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, penyemaian semangat

patriotisme antara matlamat sistem pendidikan negara sememangnya dapat dikesan. Hala tuju pendidikan di Malaysia telah dijelaskan seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Hal ini adalah kerana karya sastera dapat dijadikan wahana untuk menyampaikan segala khazanah supaya dapat membantu dalam membina negara bangsa dan menyemaikan semangat patriotisme terhadap negara dan bangsa. Oleh itu, melalui pendidikan sastera yang diajar di sekolah dikatakan mampu dalam mencapai matlamat ini. Sehubungan dengan itu, sektor pendidikan perlu memainkan peranan penting ke arah pencapaian objektif negara dalam usaha membina negara bangsa Malaysia dalam mewujudkan dan mengekalkan perpaduan dan semangat sayangkan negara. Melalui teks sastera, elemen patriotisme ini dapat disemai dan ditanamkan ke dalam minda dan jiwa generasi muda secara lebih terancang lagi. Menanam semangat patriotisme terhadap negara dan bangsa adalah penting dalam menjamin kestabilan, kemakmuran dan proses pemodenan dan pembangunan negara dalam mencapai wawasan 2020. Ketiga-tiga buah novel yang dibincangkan sesuai juga dijadikan sebagai bahan bacaan kanak-kanak peringkat akhir dan remaja.

## **Rujukan**

Abdul Rahim bin Abd Rashid. 1998. Pendidikan sejarah Falsafah, Teori dan Amalan, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.

Abd. Rahim Abd. Rashid. 2004. *Patriotisme :Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Abdul Rahman Hanapiah. 1995. Teori new historicism: mengkaji patriotisme dalam drama Melayu moden. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*. 13 (7): 49 – 75.

- Abdul Rahman Hanapiah. 2007. *Merdeka! Merdeka!*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan Adam. 1994. *Menebus Maruah*. Petaling Jaya: Kumpulan Rusa.
- Adorno I W, Frenkel-Brunswlk E, Levinson D J & Sanford R N. 1950. *The authoritarian personality*. New York: Harper & Row
- Aziz Deraman. 1999. Kesusasteraan kebangsaan dalam sistem pendidikan untuk membentuk masyarakat madani di Malaysia. Kertas Kerja Kolokium Pendidikan Kesusasteraan Melayu 1999. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka dan IBBM.
- Berita Harian Online. 2017, 30 Ogos. Sukan SEA serlahkan semangat patriotisme – Zahid,  
<https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2017/08/319554/sukan-sea-serlahkan-semangat-patriotisme-zahid>
- Berita Harian Online. 2014, 18 Sept. Semangat patriotisme perlu dijiwai, bukan sekadar simbolik. <https://www.bharian.com.my/node/6611>
- Doris Kearns Goodwin . 1998. *Team of Rivals: The Political Genius of Abraham Lincoln*, New York:Simon & Schuster Audio
- Eaton, L. 2002. South African national identity: A research agenda for social psychologists. *South African Journal of Psychology*, 32 (1), 45–53
- Elfiondri. 2005. Novel sejarah Harun Aminurashid dan Walter Scott: persepsi tentang nasionalisme. Tesis Dr. Fal, Fakulti Sains sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faridah Taib dan Nuraidah Ali. 1995. *Keluarga Bahagia*. Petaling Jaya: Penerbitan Pinang.
- Ghazali Ngah Azia. 2014. *Pelari Muda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamimah Hj Suaibo. 2007. Pemupukan patriotisme dalam pendidikan sejarah tingkatan satu. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Ishak Saat. 2009. *Pendidikan Negara Bangsa Malaysia*. Shah Alam : Karisma Publications.
- Ishak, Mohamed Mustafa. 2005. Patriotisme dan bangsa Malaysia: Di mana kita dan mahu ke mana akhirnya? In: Prosiding Kongres Patriotisme Negara 24-26 Oktober 2002 di Institut Keselamatan Sosial KWSP (ESSET) Bangi, Selangor. Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, pp. 19-29. |

- International Encyclopedia of the Social Sciences. 1968. The Macmillan Company & The Free Press
- Jacob G. Hornberger. 2001. *The CIA, Terrorism, and the Cold War: The Evil of the National Security State*, Virginia: The Future of Freedom Foundation.
- James G. Kellas. 1991. *The politics of nationalism and ethnicity*. Basingstoke, Hampshire: Macmillan
- Jeniri Amir. 2005. *Politik dalam Novel*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Jumali Selamat. 2012. *Sejarah Perkembangan Novel Remaja di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2000. *Buku Panduan Program Pengukuhan Pemupukan Patriotisme Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: KPM.
- Ku Hasnita dan Mohd Haizam. 2011. Kepentingan pendidikan patriotism terhadap warganegara Malaysia. *JATI, Vol 16*. Disember, hlm. 23-24.
- Mana Sikana. 1995. *Drama Melayu Moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Maurizio Viroli. 1997. *For Love of Country: An Essay on Patriotism and Nationalism*. Oxford University Press.
- Misran Rokimin. 2006. *Isu Pendidikan & Pembangunan Insan Menerusi Novel*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Misran Rokimin. 2008. *Teori dan Konsep Pembangunan dari Pelbagai Perspektif Ilmu: Penerapannya dalam Novel*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Michael Hand and Joanne Pearce. 2008. *Should patriotism be promoted, tolerated or discouraged in British schools? A research project funded by the Nuffield Foundation*, Institute of Education, University of London.
- Mohd Ismail Sarbini. 2014. *Destinasi Impian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Noor Mohd Taib. 2006. *Kesan pengajaran terus nilai dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah bagi penerapan patriotisme*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Mummendey, A., Klink, A., & Brown, R. 2001. Nationalism and patriotism: National identification and out-group rejection. *British Journal of Social Psychology*, 40, 159-172.

- Nordin Kardi. 2003. Konsep patriotisme. <http://www.btn.gov.my/kp>
- Nordin Kardi. 2009. Ke arah penubuhan Majlis Patriotisme Negara: Patriotisme kemandirian kita. Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Universiti Utara Malaysia, Sintok, pp. 67-86.
- Obasiah binti Haji Usman. 2014. *Formula Termodinamik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. 1988. Persediaan menulis cerpen. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). Falsafah pendidikan negara dan kurikulum bersepadu sekolah menengah.
- Raja Ruslan Raja Samah. 2004. Patriotisme dalam konteks pembinaan negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Kertas kerja dalam Konvensyen Patriotisme Negara sempena Sambutan Ulang Tahun ke-10 Penubuhan IKSEP di Dewan Utama, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) AyerKeroh, Melaka, 17 -18 Mei 2004
- Ramli Isin. 1997. Penerapan Teori dalam Penelitian Sastera Moden. Ampang: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Reykowski, J. 1997. Patriotism and the Collective System of Meanings. In D. Bar-Tal & E. Staub (Eds.), *Patriotism: In the Lives of Individuals and Nations* (pp. 108-128). Chicago: Nelson-Hall.
- Rohizani Yaakub. 2001. Sastera membina bangsa: satu analisis persepsi pelajar terhadap teks drama dalam pendidikan. (Tesis sarjana), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozita Che Rodi, Hashim Musa, Salmah Jan Noor Muhammad & Nur Amirah Che Soh. 2014. Konsep Kebenaran Ilmu dalam Bahasa Melayu Berpaksikan Pandangan Islam yang Sejagat. *International Journal of the Malay World and Civilisation* (Iman) 2(1), 2014: 3 - 13
- Robertson. 1993. *Patriotism and Empire*. Publisher London: Richards
- Shafie Abu Bakar dan Mohamed Anwar Omar Din. 1997. *Peradaban Melayu*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shannon Ahmad. 1994. *Sastera : Pengalaman, Ilmu, Imaginasi dan Kitarannya*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahnon Ahmad. 1991. *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Stephen Nathanson. 1993. *Patriotism, Morality, and Peace*. New York: Rowman & Littlefield Publishers

Utusan Malaysia. 2014, 15 Oktober. Bahasa Jiwa Bangsa Bukan Retorik. <https://cikguramsulbmspm.blogspot.com/2016/10/program-co-lulus-bahasa-melayu-2016.html>